KEMPEN "GOLD FOR GOLD (G4G)"
TERMA & SYARAT

Kempen ini dianjurkan oleh **Bank Muamalat Malaysia Berhad (No. Syarikat: 196501000376 (6175-W))** ("BMMB") dan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini. Dengan menyertai Kempen ini, semua pelanggan yang layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini serta segala keputusan yang dibuat oleh BMMB.

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada pelanggan individu baharu dan sedia ada yang mempunyai Akaun Muamalat Gold-i yang sah ("Akaun MG-i") sepanjang Tempoh Kempen, kecuali mereka yang dinyatakan dalam Klausa 3.
2. Individu berikut adalah **TIDAK LAYAK** menyertai Kempen ini:
    a. Individu yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun;
    b. Kakitangan tetap dan kontrak BMMB serta ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak-anak, ibu bapa dan adik-beradik); atau
    c. Pelanggan yang Akaun MG-i mereka digantung, ditutup atau ditamatkan, atau melanggar terma dan syarat Akaun MG-i semasa BMMB menjalankan pengesahan kelayakan atau penebusan ganjaran.

TEMPOH KEMPEN

3. Kempen ini bermula pada **1 November 2026 sehingga 30 April 2027**, termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen").

MEKANISME DAN SYARAT KEMPEN

4. Pelanggan akan memperoleh penyertaan berdasarkan aktiviti berikut:

Aktiviti	Ganjaran
Membuka Akaun Muamalat Gold-i yang baharu **dalam Tempoh Kempen**	50 Penyertaan ***(sekali sahaja bagi setiap pelanggan)***
Membeli sekurang-kurangnya 15 gram emas melalui MG-i	100 Penyertaan
Membeli 100 gram atau lebih melalui MG-i dalam satu transaksi	Layak menerima Ganjaran Emas Terjamin ***(5 pelanggan layak pertama setiap bulan)***

5. Setiap pembelian MG-i yang berjaya sebanyak sekurang-kurangnya 15 gram sepanjang Tempoh Kempen akan melayakkan pelanggan menerima 100 penyertaan, tanpa mengira jumlah yang dibeli melebihi 15 gram. Pembelian sekurang-kurangnya 100 gram juga boleh melayakkan pelanggan menerima Ganjaran Emas Terjamin.
6. Pembelian daripada transaksi yang berasingan tidak boleh digabungkan untuk memenuhi syarat minimum 15 gram.
7. Penyertaan yang diperoleh dari hari pertama hingga hari terakhir setiap bulan kalendar akan dimasukkan ke dalam Cabutan Bertuah bulan tersebut yang akan dijalankan selepas tamat bulan berkenaan.
8. Penyertaan Cabutan Bertuah yang tidak dipilih dalam cabutan bulanan akan dibawa ke cabutan bulanan seterusnya sepanjang Tempoh Kempen. Peruntukan ini tidak terpakai kepada Ganjaran Emas Terjamin.
9. Sebarang penyertaan yang masih belum digunakan akan luput apabila Tempoh Kempen berakhir

10. "Transaksi Layak" bermaksud pembelian emas yang berjaya melalui Akaun Muamalat Gold-i dalam Tempoh Kempen dan direkodkan dalam sistem BMMB.

11. Berikut adalah BUKAN Transaksi Layak:Cancelled, reversed, refunded or disputed transactions;

    a. Transaksi yang dibatalkan, diterbalikkan, dipulangkan atau dipertikaikan;
    b. Transaksi yang didapati bersifat penipuan, mencurigakan atau tidak dibenarkan;
    c. Transaksi yang tidak berjaya direkodkan dalam sistem BMMB sepanjang Tempoh Kempen; dan
    d. Transaksi yang tidak mematuhi Terma dan Syarat ini.
12. **Sebelum ganjaran diberikan, BMMB akan mengesahkan status Akaun MG-i pelanggan**, rekod transaksi **dan** pematuhan terhadap Terma dan Syarat ini.

GANJARAN KEMPEN

13. Ganjaran Kempen adalah seperti berikut:

Kategori Ganjaran	Ganjaran	Bilangan Pemenang
Ganjaran Emas Terjamin	Syiling Emas Mumu 1g	30 pemenang (5 pemenang pertama setiap bulan)
Ganjaran Cabutan Kempen	Syiling Emas Mumu 1g	6 pemenang (1 pemenang setiap bulan)

GANJARAN EMAS TERJAMIN (LIMA PELANGGAN LAYAK PERTAMA SETIAP BULAN)

14. Setiap bulan, Ganjaran Emas Terjamin akan diberikan kepada lima (5) pelanggan layak yang pertama. Keutamaan ditentukan berdasarkan masa sistem BMMB merekodkan pembelian pertama MG-i pelanggan sebanyak sekurang-kurangnya 100 gram dalam satu transaksi pada bulan tersebut. Setiap penerima akan menerima satu (1) Syiling Emas Mumu 1 gram, tertakluk kepada pengesahan BMMB.
15. Kelayakan untuk Ganjaran Emas Terjamin tidak akan dibawa ke bulan berikutnya. Pelanggan perlu membuat pembelian baharu yang layak sebanyak sekurang-kurangnya 100 gram untuk layak pada bulan seterusnya. Pelanggan yang layak juga akan dimasukkan ke dalam cabutan promosi dan pemenang akan dipilih secara rawak melalui proses pengacak bebas daripada semua penyertaan yang layak dalam tempoh kempen yang berkaitan. **CAMPAIGN**

GANJARAN CABUTAN KEMPEN

16. Setiap pelanggan yang layak hanya berhak memenangi satu (1) hadiah sepanjang Tempoh Kempen tanpa mengira kategori ganjaran.
17. Pelanggan yang telah menerima Ganjaran Emas Terjamin tidak lagi layak memenangi Ganjaran Cabutan Kempen.
18. Pelanggan yang telah menerima Ganjaran Cabutan Kempen tidak lagi layak menerima sebarang ganjaran lain di bawah Kempen ini.

19. Sekiranya pemenang yang dipilih didapati telah menerima ganjaran Kempen sebelum ini, BMMB berhak memilih pemenang gantian.

20. Semua hadiah tidak boleh dipindah milik, ditukar atau ditebus dalam bentuk tunai sama ada sebahagian atau sepenuhnya, kecuali atas budi bicara BMMB.

21. Hadiah adalah tertakluk kepada ketersediaan dan BMMB berhak menggantikan hadiah dengan item yang mempunyai nilai yang sama dengan memberikan notis terlebih dahulu.

22. Hadiah yang dipaparkan dalam iklan, bahan promosi atau sebarang bahan pemasaran lain adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada hadiah sebenar.

MAKLUMAN PEMENANG & PEMENUHAN GANJARAN

23. Pemenang boleh dihubungi oleh BMMB melalui maklumat perhubungan berdaftar dalam rekod BMMB dan/atau mana-mana saluran komunikasi yang difikirkan sesuai oleh BMMB.

24. Jika pemenang tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan atau didapati tidak layak, BMMB berhak memilih pemenang gantian.

25. BMMB berhak melantik pemenang simpanan tambahan untuk menggantikan mana-mana pemenang yang dibatalkan kelayakan, menarik diri atau menjadi tidak layak.

26. Pemenuhan ganjaran akan dilaksanakan dalam tempoh lapan (8) hingga dua belas (12) minggu selepas berakhirnya tempoh penentuan ganjaran atau dalam tempoh lain yang ditentukan oleh BMMB.

27. Pemenang hendaklah membuat urusan yang perlu dengan BMMB bagi tujuan pengambilan atau penebusan hadiah. Sebarang kos yang ditanggung untuk mengambil atau menebus hadiah adalah tanggungjawab pemenang sepenuhnya.

TERMA DAN SYARAT AM

28. Sila baca Notis Perlindungan Data Peribadi ("Notis") kami sebelum menyertai Kempen ini. Dengan menyertai Kempen ini, pelanggan bersetuju dan memberi kebenaran supaya data mereka dikumpul, diproses dan digunakan oleh BMMB mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Notis Privasi BMMB yang boleh didapati di www.muamalat.com.my bagi tujuan:
    i. Pelaksanaan Kempen ini; dan
    ii. Aktiviti pemasaran dan promosi yang terhad kepada Kempen ini sahaja serta tidak akan digunakan untuk tujuan pemasaran umum. Sebarang penggunaan dan/atau penerbitan maklumat yang diberikan berkaitan Kempen ini, termasuk penyertaan, bahan temu bual, maklum balas dan

gambar berkaitan, hanya akan digunakan bagi tujuan yang berkaitan secara langsung dengan Kempen ini.

Walau apa pun yang dinyatakan di atas, BMMB akan melindungi data peribadi pelanggan. Pelanggan juga boleh bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam aktiviti pengiklanan dan publisiti yang munasabah berkaitan Kempen ini tanpa sebarang bayaran atau imbuhan. Pelanggan boleh menarik balik persetujuan tersebut dengan menghubungi BMMB melalui nombor yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

29. BMMB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang gangguan, kegagalan teknikal, kerosakan sistem atau kesilapan manusia yang menjejaskan penyertaan dalam Kempen ini, dengan syarat kejadian tersebut bukan disebabkan oleh BMMB.

30. BMMB berhak meminda, memendekkan, melanjutkan, menggantung, membatalkan atau menamatkan Kempen ini atau mana-mana bahagiannya dengan memberikan notis awal dua puluh satu (21) hari kalendar melalui www.muamalat.com.my atau saluran lain yang dianggap sesuai oleh BMMB.

31. BMMB berhak membatalkan kelayakan mana-mana peserta yang didapati melakukan perbuatan penipuan, tidak jujur atau penyalahgunaan berkaitan Kempen ini.

32. BMMB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kerugian, kecederaan atau tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan dalam Kempen ini atau daripada penerimaan atau penggunaan hadiah, kecuali jika kehilangan, kerugian atau kecederaan tersebut berpunca daripada kecuaian melampau, penipuan atau salah laku disengajakan oleh BMMB.

33. Keputusan BMMB berhubung semua perkara berkaitan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan.

34. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan mana-mana versi terjemahan Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

35. Terma dan Syarat ini tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia serta semua keperluan perundangan dan pengawalseliaan yang berkaitan, termasuk Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (IFSA),

Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan, Pencegahan Pembiayaan Aktiviti Terhad dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA), serta Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 termasuk apa-apa pindaan daripadanya.

36. Terma dan Syarat ini, termasuk sebarang kuasa budi bicara yang dilaksanakan oleh BMMB di bawah Kempen ini, adalah tertakluk kepada prinsip-prinsip Syariah.

37. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan Kempen ini, pelanggan boleh menghubungi Khidmat Pelanggan BMMB di +603-2600 5500 atau e-mel feedback@muamalat.com.my.

END OF TERMS & CONDITIONS
"GOLD FOR GOLD (G4G)" CAMPAIGN